

Sejarah Dunia dari Kacamata Alam Melayu: Satu Tinjauan Epistemologi Alternatif

World History from the Perspective of the Malay World: An Alternative Epistemological Review

Ahmad Faris Naqiyuddin Mohd Ghazi^{1*}, Harliana Halim¹, Nazreena Mohammed Yasin¹, Asyiqah Mohamad Jamil²

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, Johor, MALAYSIA

² Faculty of Social Science and Humanities,
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology, Jalan Genting Kelang, Setapak,
Kuala Lumpur, 53300, MALAYSIA

*Corresponding Author: faris@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2025.07.02.002>

Maklumat Artikel

Diserah: 19 Julai 2025
Diterima: 4 Ogos 2025
Diterbitkan: 1 Disember 2025

Kata Kunci

Sejarah dunia, pandangan alam Melayu, epistemologi alternatif, dekolonisasi ilmu, naratif sejarah

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk meninjau sejarah dunia melalui lensa pandangan alam Melayu sebagai satu usaha epistemologi alternatif dalam memahami naratif sejarah global. Wacana sejarah dunia sering didominasi oleh naratif Eurocentrik yang meminggirkan suara dan pengalaman peradaban bukan Barat, termasuk tamadun Melayu. Melalui pendekatan analisis kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dan pemikiran kritikal, artikel ini mengemukakan pandangan alam Melayu sebagai satu kerangka epistemologi yang berasaskan nilai, tradisi, dan pengalaman lokal yang unik. Penulisan ini menelusuri bagaimana alam Melayu membentuk interaksi antarabangsa melalui jaringan perdagangan, penyebaran Islam, dan hubungan diplomatik sejak zaman silam. Artikel ini mencadangkan bahawa epistemologi Melayu mampu menyumbang kepada penulisan sejarah dunia yang lebih inklusif, adil, dan pelbagai suara, sejajar dengan usaha dekolonisasi ilmu dan pengiktirafan terhadap naratif alternatif dalam wacana akademik global.

Keywords

World history, Malay worldview, alternative epistemology, decolonization of knowledge, historical narrative

Abstract

This article aims to explore world history through the lens of the Malay worldview as an effort towards an alternative epistemology in understanding the global historical narrative. The discourse on world history is often dominated by Eurocentric narratives that marginalize the voices and experiences of non-Western civilizations, including the Malay civilization. Through a qualitative approach involving literature review and critical thinking, this article presents the Malay worldview as an epistemological framework grounded in unique local values, traditions, and experiences. This paper traces how the Malay world shaped international interactions through trade networks, the spread of Islam,

and diplomatic relations since ancient times. The article argues that Malay epistemology can contribute to a more inclusive, equitable, and multi-voiced account of world history, in line with the broader efforts of decolonizing knowledge and recognizing alternative narratives within global academic discourse.

1. Pendahuluan

Penulisan sejarah dunia yang dominan pada hari ini masih dikuasai oleh naratif Eurocentrik, iaitu pendekatan yang meletakkan pengalaman sejarah Eropah sebagai titik tolak utama dalam memahami perjalanan dan perkembangan tamadun manusia sejagat. Naratif ini bukan sahaja memberi keutamaan kepada sejarah Eropah dan perluasan kolonialnya, malah turut meminggirkan serta meminimumkan sumbangan tamadun bukan Barat seperti dunia Islam, Asia, dan Alam Melayu (Blaut, 1993; Chakrabarty, 2000). Dalam konteks ini, sejarah dunia seringkali disusun dengan menggambarkan Eropah sebagai subjek utama, manakala peradaban lain dilihat sekadar sebagai latar belakang atau objek pasif dalam sejarah global.

Kesan daripada hegemoni epistemologi Barat ini telah meluas ke dalam sistem pendidikan, wacana akademik, dan penulisan ilmiah sehingga mencetuskan proses “pembisuan epistemik” terhadap pengalaman dan kerangka ilmu peradaban lain (Santos, 2014). Alam Melayu, yang suatu ketika dahulu merupakan pusat pertemuan pelbagai peradaban, jaringan perdagangan maritim, dan penyebaran ilmu Islam, kini jarang diberi perhatian dalam penulisan sejarah dunia arus perdana. Naratif sejarah tempatan lebih banyak tertakluk kepada kerangka kolonial atau penyesuaian kepada model-model Barat, tanpa mempertimbangkan pandangan alam tempatan yang kaya dengan nilai, makna, dan epistemologi tersendiri (Al-Attas, 1995).

Seiring dengan ini, Khalid Blankinship (2020) menegaskan kepentingan *reclaiming indigenous knowledge systems* sebagai usaha utama dalam dekolonisasi sejarah dan epistemologi. Beliau mengkritik naratif Eurocentrik yang menganggap sejarah Barat sebagai satu-satunya kerangka yang sah dan menyeru agar masyarakat bukan Barat, ini termasuk Alam Melayu, mengambil kembali kendali dalam mendefinisikan sejarah dan identiti mereka sendiri. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kedaulatan intelektual masyarakat tempatan tetapi juga membentuk sejarah dunia yang lebih pelbagai dan adil.

Makalah ini bertujuan untuk meneroka pendekatan alternatif dalam memahami sejarah dunia melalui kacamata Alam Melayu, dengan menekankan pandangan alam serta epistemologi tempatan yang mencerminkan keseimbangan antara dimensi rohani dan jasmani, hubungan antara manusia dan alam, serta konsep kekhalfahan dan tanggungjawab etika. Dengan menyusun semula sejarah dunia daripada sudut ini, artikel ini menyumbang kepada agenda dekolonisasi ilmu dan usaha memperluas horizon epistemologi dalam penulisan sejarah yang lebih inklusif dan pelbagai (Mignolo, 2011; Alatas, 2006).

Kajian ini penting kerana ia bukan sahaja mengangkat semula suara dan pengalaman sejarah yang telah lama terpinggir, tetapi juga membina asas intelektual untuk memartabatkan epistemologi Melayu-Islam sebagai kerangka sah dalam memahami sejarah dan peradaban dunia. Dengan menempatkan Alam Melayu sebagai subjek dan bukan sekadar objek dalam wacana sejarah global, makalah ini mengusulkan satu tinjauan epistemologi alternatif yang berupaya memperkasa penulisan sejarah dunia secara lebih adil, reflektif dan berakar dalam nilai-nilai budaya serta keilmuan tempatan.

2. Sorotan Literatur

Historiografi sejarah dunia moden banyak dipengaruhi oleh kerangka Eurocentrik yang meletakkan Eropah sebagai pusat segala kemajuan tamadun. Ini dapat dilihat dalam penggambaran sejarah dunia yang menempatkan peristiwa-peristiwa Eropah sebagai pusat utama sejarah sejagat, manakala peranan peradaban lain dianggap sebagai sejarah sampingan yang tidak penting. Blaut (1993) dalam karyanya *The Colonizer's Model of the World* menegaskan bahawa pendekatan ini bukan sahaja berat sebelah, tetapi juga secara sistematik mengabaikan pencapaian dunia bukan Barat. Namun begitu, kajian-kajian historiografi alternatif yang memberikan suara kepada tamadun-tamadun bukan Barat masih kurang diberikan tempat yang signifikan dalam wacana arus perdana.

Dalam respons terhadap dominasi epistemologi Barat, muncul gagasan dekolonisasi ilmu yang menuntut penilaian semula terhadap bentuk dan sumber pengetahuan sedia ada. Chakrabarty (2000) menerusi karya *Provincializing Europe* menyeru agar sejarah tidak lagi bersandar sepenuhnya pada model Eropah, dan menekankan perlunya memartabatkan naratif lokal sebagai bentuk pengetahuan yang sah. Walau bagaimanapun, pendekatan ini masih belum diterjemahkan sepenuhnya dalam konteks sejarah Asia Tenggara, khususnya dalam memahami tamadun Melayu sebagai subjek sejarah global.

Kajian sejarah Asia Tenggara telah menunjukkan bahawa dunia Melayu bukan sekadar entiti geografi, tetapi merupakan pusat jaringan maritim dan budaya yang luas serta berpengaruh. Andaya dan Andaya (2001) melalui *A History of Malaysia* menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam jaringan

perdagangan, penyebaran Islam, dan hubungan diplomatik dengan dunia Arab, India, dan China. Namun, kajian tersebut masih beroperasi dalam kerangka sejarah nasional atau serantau, tanpa mengangkat alam Melayu sebagai sebahagian daripada naratif sejarah dunia yang lebih luas.

Pandangan alam Melayu mencerminkan sistem pemikiran yang berasaskan nilai, keseimbangan, dan kesatuan antara manusia, alam, dan Tuhan. Wan Mohd Nor Wan Daud (1991) menerusi karya beliau *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas* menegaskan bahawa pandangan alam ini bukan sahaja unik, tetapi memiliki potensi sebagai asas epistemologi alternatif. Namun begitu, belum banyak kajian yang mengangkat pandangan alam Melayu ini secara langsung sebagai kerangka interpretatif untuk memahami sejarah dunia.

Sarjana seperti Syed Hussein Alatas telah mengkritik struktur pengetahuan yang terjajah dan menyeru kepada pembebasan intelektual daripada warisan kolonial. Dalam *The Myth of the Lazy Native* (1977), Alatas menunjukkan bagaimana stereotaip kolonial telah mempengaruhi pemahaman terhadap masyarakat Asia Tenggara, termasuk Melayu. Namun, gagasan beliau belum diintegrasikan sepenuhnya dalam penulisan sejarah dunia secara sistematik, khususnya dalam menjadikan alam Melayu sebagai subjek aktif dalam naratif sejarah global.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif eksploratori dengan orientasi interpretatif dan kritikal bagi memahami bagaimana pandangan alam Melayu boleh dijadikan sebagai kerangka epistemologi alternatif dalam sejarah dunia. Pendekatan ini sesuai kerana ia membolehkan peneliti menyelami makna dan struktur pemikiran yang membentuk naratif lokal yang selama ini terpinggir dalam wacana sejarah global (Creswell & Poth, 2018). Di samping itu, kajian ini berakar dalam paradigma dekolonial, yang bertujuan mencabar hegemoni pengetahuan kolonial dan membuka ruang kepada epistemologi bukan Barat (Mignolo, 2011).


Pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan (*library research*), yang merangkumi karya kontemporari, termasuk penulisan oleh sarjana Melayu moden seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Syed Hussein Alatas, dan Wan Mohd Nor Wan Daud yang membicarakan epistemologi tempatan dan teks-teks teori kritikal, termasuk penulisan oleh Edward Said, Khalid Blankinship dan Walter Mignolo yang membentuk asas kepada pendekatan dekolonial dan kritik terhadap Eurocentrisme. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk menggali sumber makna, simbol, dan nilai budaya yang tidak dapat diperoleh melalui pendekatan kuantitatif (Bowen, 2009).

Data dianalisis menggunakan gabungan dua pendekatan yang pertama iaitu analisis wacana kritikal (*Critical Discourse Analysis* - CDA) untuk mengenal pasti struktur kuasa dan ideologi dalam naratif sejarah (Fairclough, 1995) dan yang kedua analisis hermeneutik untuk memahami teks dalam konteks budaya dan epistemologi Melayu, khususnya dalam menafsirkan makna simbolik dalam teks sejarah dan tradisional (Gadamer, 1975). Kedua-dua pendekatan ini membantu peneliti mengemukakan bacaan alternatif terhadap naratif sejarah dunia yang dominan.

Analisis wacana kritikal diaplikasikan secara berperingkat. Pertama, kajian ini telah memilih lima teks sejarah Melayu klasik, termasuk Sejarah Melayu (Brown, 1970), Hikayat Raja-Raja Pasai (Jones, 1983), dan beberapa surat diplomatik awal abad ke-16 (Cortesao, 1944). Kedua, teks-teks ini dibaca untuk mengenal pasti kategori utama berkaitan struktur kuasa dan hubungan diplomatik, khususnya istilah seperti raja, neneri, hulubalang dan dagang. Ketiga, istilah-istilah tersebut dianalisis dari segi fungsi wacana, iaitu bagaimana ia menggambarkan hubungan kuasa, legitimasi politik, kedudukan Alam Melayu dalam jaringan antarabangsa (Fairclough, 1995).

Seterusnya, analisis hermeneutik pula digunakan untuk mentafsir makna simbolik dan nilai rohani yang terkandung dalam teks. Misalnya, gelaran *zillullah fi al'alam* (bayangan Tuhan di muka bumi) yang diberikan kepada raja ditafsir bukan sekadar simbol politik, tetapi sebuah manifestasi pandangan alam Melayu-Islam tentang khalifah dan tanggungjawab kosmologis terhadap alam dan rakyat (Al-Attas, 1995). Begitu juga ritual pertabalan raja yang dihubungkan dengan konsep kesucian kuasa yang berakar pada kosmologi Islam (Gadamer, 1975). Gabungan analisis wacana kritikal (CDA) dan hermeneutik ini membolehkan analisis yang lebih komprehensif iaitu bukan hanya melihat struktur kuasa secara luaran, tetapi juga makna dalaman yang mencerminkan epistemologi Melayu secara jelas.

Kerangka epistemologi kajian ini adalah epistemologi kritikal dan dekolonial, yang menekankan bahawa pengetahuan bukanlah neutral, tetapi dibentuk oleh kuasa dan ideologi. Mignolo (2011) menegaskan bahawa usaha dekolonisasi ilmu bukan hanya soal isi kandungan, tetapi juga mengenai siapa yang diberi hak untuk mengetahui dan mengungkap sejarah. Dengan itu, pendekatan ini bukan sahaja sah secara akademik tetapi juga penting dari sudut keadilan epistemik.



Rajah 1 (a) Kerangka metodologi kajian

4. Kerangka Teoretis dan Epistemologi

Untuk memahami sejarah dunia dari kacamata Alam Melayu, adalah penting untuk terlebih dahulu menjelaskan konsep pandangan alam (*worldview*) dan epistemologi yang menjadi asas kepada penulisan sejarah alternatif ini. Pandangan alam merujuk kepada cara sesebuah masyarakat melihat, memahami dan menafsirkan alam semesta dan kedudukan manusia di dalamnya. Ia meliputi nilai-nilai asas, kepercayaan kosmologi, hubungan antara manusia dengan alam dan sesama manusia, serta sistem pengetahuan yang dijana dan diwarisi secara kolektif (Al-Attas, 1995). Epistemologi pula berkaitan dengan teori ilmu bagaimana pengetahuan diperoleh, disahkan, dan dipraktikkan dalam konteks budaya tertentu (Santos, 2014).

Pandangan alam bukan sekadar satu set kepercayaan metafizik tetapi juga membentuk kerangka kognitif yang mengarahkan cara seseorang melihat realiti, membuat keputusan, dan bertindak dalam kehidupan seharian. Dalam konteks Melayu, pandangan alam tradisional berakar umbi pada konsep harmoni antara manusia, alam, dan Yang Maha Pencipta, dengan penekanan pada keseimbangan, keadilan, dan tanggungjawab moral (Al-Attas, 1995). Epistemologi Melayu menolak dualisme keras antara dunia material dan spiritual; sebaliknya mengintegrasikan keduanya secara organik, berbeza dengan pendekatan positivistik Barat yang sering memisahkan ilmu berdasarkan sains dan agama (Mignolo, 2011).

Seterusnya, epistemologi alternatif bermaksud cara memperoleh dan mengesahkan ilmu di luar kerangka Eurocentrik, iaitu sebuah proses pengesahan berasaskan pengalaman lokal dan tradisi ilmu Islam-Melayu. Ia tidak menolak pengetahuan Barat sepenuhnya, tetapi mencadangkan bacaan dari sumber alternatif yang kritikal, lebih pluralistik dan kontekstual (Santos, 2014, Mignon, 2011). Berikutnya, terma dekolonisasi ilmu merujuk kepada usaha membongkar dominasi kerangka pengetahuan kolonial yang menempatkan Eropah sebagai pusat universal sejarah, serta mengembalikan kerangka pengetahuan mengikut kepada epistemologi tempatan. Dalam konteks kajian ini, dekolonisasi ilmu berfungsi sebagai asas untuk menempatkan Alam Melayu sebagai subjek sejarah dunia yang setara dengan peradaban lain (Chakrabarty, 2009; Mignono, 2011).

Kesimpulannya, penjelasan operasional ini memperbolehkan istilah-istilah tersebut digunakan secara konsisten dalam analisis, sama ada ketika mentafsir teks primer ataupun ketika membandingkan kerangka epistemologi Melayu dengan naratif Eurocentrik. Dengan itu, asas konseptual kajian ini diperkukuh untuk menilai semula kedudukan Alam Melayu dalam sejarah dunia dari perspektif alternatif yang lebih inklusif dan adil secara epistemik.

4.1 Pandangan Alam Melayu: Tradisi, Nilai dan Epistemologi

Pandangan alam Melayu merujuk kepada cara masyarakat Melayu memahami realiti, kewujudan, dan hubungan antara manusia, alam, dan Tuhan. Ia berakar dalam nilai-nilai Islam, adat, dan warisan budaya yang membentuk kerangka pemikiran dan epistemologi yang unik. Menurut Al-Attas (1995), asas epistemologi Islam-Melayu terletak pada konsep *tauhid*, iaitu keesaan Tuhan sebagai pusat segala pengetahuan. Dalam *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, beliau menegaskan bahawa ilmu dalam tradisi Melayu bukan sekadar maklumat, tetapi sesuatu yang membimbing manusia kepada keadilan, hikmah, dan kesempurnaan akhlak. Ini berkait rapat dengan konsep *ta'dib*, iaitu proses pendidikan yang menyepadukan ilmu, adab, dan spiritualiti.

Shaharir Mohamad Zain (2008) pula memperluas pandangan ini dengan mengetengahkan kewujudan pemikiran saintifik dan logik dalam peradaban Melayu silam. Beliau menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah lama memiliki sistem pengetahuan yang kompleks dalam bidang astronomi, perhitungan waktu, dan pengukuran alam, namun sering dipinggirkan dalam sejarah ilmu global kerana kerangka epistemologinya yang berbeza dengan sains Barat moden. Tambahan pula, Azhar Ibrahim (2014) dalam kajiannya mengenai wacana intelektual Melayu-Islam, menekankan bahawa pandangan alam Melayu turut mencerminkan kefahaman kosmologi yang inklusif, merangkumi hubungan spiritual dan sosial yang membentuk identiti kolektif. Nilai seperti kesepaduan, keseimbangan, dan kebersamaan menonjol dalam cara masyarakat Melayu melihat sejarah dan perubahan. Kesemua ini memperkukuh hujah bahawa pandangan alam Melayu menawarkan satu epistemologi alternatif yang mampu memberi dimensi baharu dalam memahami sejarah dunia yang lebih menyeluruh, inklusif, dan berpaksikan nilai.

Pandangan Alam Melayu mempunyai beberapa ciri utama yang membezakan ia daripada paradigma epistemologi Barat. Pertama, nilai kesatuan dan keterhubungan (*unity and interconnectedness*) yang menegaskan bahawa manusia tidak boleh dipisahkan daripada alam sekitar, sebaliknya wajib hidup dalam harmoni dengan alam dan sesama manusia (Al-Attas, 1995). Kedua, kosmologi Melayu berlandaskan kepercayaan terhadap kekuasaan Tuhan dan alam ghaib yang berinteraksi dengan dunia nyata, suatu dimensi yang memberi makna mendalam kepada kehidupan dan sejarah. Ketiga, hubungan manusia dan alam bukan sahaja bersifat fisikal tetapi juga spiritual dan etika, di mana manusia dianggap sebagai khalifah yang diberi tanggungjawab menjaga kesejahteraan alam (Alatas, 2006).

Memahami sejarah dunia dari perspektif Islam yang menjadi teras pandangan alam Melayu memerlukan suatu kerangka periodisasi baru yang mengakui sumbangan dan peranan dunia Islam dalam sejarah global. Islam bukan hanya sebuah agama tetapi sebuah sistem nilai dan pandangan dunia (*Islamic worldview*) yang merangkumi aspek sosial, politik, ekonomi, dan budaya, yang secara mendalam mempengaruhi cara masyarakat Melayu menafsirkan sejarah dan realiti. Oleh itu, epistemologi Melayu yang berasaskan Islam tidak boleh dipisahkan daripada sejarah dunia, malah harus menjadi rujukan utama dalam usaha membina naratif sejarah yang holistik dan inklusif, menolak naratif Eurocentrik yang mendominasi penulisan sejarah selama ini (Blankinship, 1991).

4.2 Gagasan Dekolonisasi Ilmu dan Kritik Terhadap Eurocentrisme

Dekolonisasi ilmu muncul sebagai reaksi terhadap dominasi wacana Barat dalam pembentukan ilmu pengetahuan, termasuk dalam bidang sejarah. Menurut Walter D. Mignolo (2011), projek *epistemic disobedience* menyeru agar pengetahuan tidak lagi dimonopoli oleh kerangka Barat yang mendakwa universal. Beliau memperkenalkan gagasan *border thinking* satu cara berfikir dari sempadan dan pinggiran, yang memberi ruang kepada suara bukan Barat, termasuk masyarakat pribumi dan peradaban bukan Eropah. Tambahan lagi, Mignolo juga memperkenalkan konsep "*delinking*" yang menuntut pemisahan dari warisan epistemologi kolonial untuk membolehkan pembentukan kerangka ilmu yang lebih plural dan inklusif.

Manakala, Santos (2014) pula menekankan tentang *epistemologies of the South*, iaitu usaha mengiktiraf kepelbagaian sumber ilmu dari Dunia Selatan yang selama ini dianggap "*inferior*" oleh hegemoni akademik Barat. Beliau menyifatkan proses penjajahan bukan sahaja merampas tanah dan kekayaan, tetapi turut menyebabkan *epistemicide* pemusnahan sistem pengetahuan tempatan. Teori dekolonisasi ilmu membolehkan kita memahami dan membongkar dominasi naratif dan epistemologi Barat yang telah lama menguasai penulisan sejarah dunia.

Kritik terhadap Eurocentrisme turut dikemukakan oleh Dipesh Chakrabarty (2000) dalam *Provincializing Europe*, yang menyatakan bahawa sejarah global sering dikonstruksikan melalui pengalaman Eropah yang dianggap norma sejagat. Ini menyebabkan peradaban lain seperti alam Melayu hanya muncul sebagai "pinggiran" atau "pengikut" kepada perkembangan dunia. Dalam konteks ini, gagasan dekolonisasi membuka ruang untuk meninjau semula sejarah dunia dari sudut pandang alternatif, termasuk melalui epistemologi Melayu yang selama ini dipinggirkan dalam naratif arus perdana.

Dalam konteks Alam Melayu, pemikiran Al-Attas (1995) sangat relevan sebagai usaha mengembalikan integriti ilmu Islam-Melayu yang menolak reduksionisme dan menekankan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Hasilnya, penerapan kerangka teoritis dan epistemologi ini bukan sahaja memperkaya pemahaman terhadap sejarah dunia dari sudut pandang yang berbeza, tetapi juga membuka ruang bagi penyusunan naratif sejarah yang lebih adil dan mencerminkan kepelbagaian budaya serta sistem pengetahuan di luar dominasi Barat.

Gabungan antara pandangan alam Melayu dan gagasan dekolonisasi ilmu memberi asas yang kukuh untuk mengemukakan naratif sejarah dunia yang lebih adil dan inklusif. Ia mencabar anggapan bahawa sejarah dunia harus bermula dari Yunani-Rom, Revolusi Industri, dan Pencerahan Eropah. Sebaliknya, ia mengangkat naratif peradaban bukan Barat sebagai tonggak penting dalam membentuk dunia moden. Dengan menonjolkan epistemologi Melayu sebagai kerangka alternatif, penulisan sejarah dunia boleh dirangka semula untuk mencerminkan realiti yang lebih kompleks, pelbagai, dan adil dari segi geopolitik dan budaya. Maka, dalam usaha menulis semula sejarah dunia dari kacamata Melayu, harus difahami bahawa peranan alam Melayu bukan sekadar penerima atau perantara, tetapi sebagai pencetus, pelaksana, dan pemikir dalam pembentukan naratif global.

Historiografi dan Keterlibatan Alam Melayu dalam Sejarah Dunia

Penulisan sejarah dunia lazimnya menampilkan naratif yang bertumpu kepada pengalaman Barat bermula dari tamadun Yunani-Rom, melalui Zaman Pertengahan Eropah, dan berpuncak kepada Pencerahan dan Revolusi Industri. Pandangan ini, yang berteraskan Eurocentrisme, cenderung mengabaikan peranan aktif peradaban bukan Barat termasuk Alam Melayu. Oleh itu, bahagian ini bertujuan menelusuri keterlibatan Alam Melayu dalam pelbagai lapangan ekonomi, intelektual, budaya, dan spiritual dalam jaringan sejarah dunia.

Historiografi Melayu memiliki potensi besar dalam menyumbang kepada pemahaman sejarah dunia, khususnya dalam aspek pertembungan budaya, perdagangan, dan penyebaran ilmu. Alam Melayu, yang merangkumi kawasan maritim Asia Tenggara, telah lama menjadi simpang jalan bagi tamadun besar dunia. Barbara dan Leonard Andaya (2001) dalam *A History of Malaysia* serta *Leaves of the Same Tree* (Leonard, 2008) menekankan bahawa Kesultanan Melaka, Johor-Riau, dan Aceh merupakan kuasa maritim yang menjalin hubungan diplomatik dan ekonomi dengan pelbagai peradaban dari China, India, Timur Tengah hingga ke Eropah.

4.3 Alam Melayu sebagai Hab Maritim Global

Alam Melayu memiliki kedudukan geostrategik yang penting di antara benua Asia dan dunia Islam. Kedudukan ini menjadikannya sebagai hab perdagangan maritim yang menghubungkan China, India, Timur Tengah, dan Eropah. Barbara dan Leonard Andaya (2008) menegaskan bahawa pelabuhan-pelabuhan Melayu seperti Melaka, Aceh, Banten, dan Makassar merupakan pusat pertukaran bukan sahaja barangan, tetapi juga idea dan budaya. Mereka menyifatkan pelabuhan ini sebagai *entrepot cosmopolitan* yang merangsang kelahiran masyarakat berbilang agama dan etnik dengan sistem sosial yang relatif inklusif.

Anthony Reid (1988) dalam *Southeast Asia in the Age of Commerce* menyatakan bahawa alam Melayu merupakan salah satu kawasan paling dinamik dalam sejarah ekonomi dunia pada abad ke-15 hingga ke-17. Beliau menggambarkan sifat kosmopolitan masyarakat pelabuhan Melayu yang terbuka kepada pelbagai budaya, agama, dan ilmu pengetahuan. Komoditi seperti rempah, kapur barus, dan emas dari Alam Melayu bukan sahaja mencetuskan penjelajahan dunia oleh kuasa Eropah, malah membentuk dasar ekonomi global pada masa itu. Tambahan, Kesultanan Melayu Melaka juga boleh difahami bukan sekadar sebagai pusat perdagangan tetapi model kosmopolitanisme Melayu-Islam yang mencabar naratif Eurocentrik. Catatan Portugis menyebut Melaka sebagai pelabuhan yang menampung lebih daripada 80 bahasa dalam aktiviti perdagangan harian (Cortesao, 1944), manakala penggunaan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* jelas dipraktikkan, setara Bahasa Inggeris dan bahasa asing lain pada hari ini. Hal ini dizahirkan oleh seorang pentadbir East Indian Company, (EIC), William Marsden [1754–1836] dalam catatan beliau;

“The Malayan language (Bahasa Melayu) prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatra, Java, Borneo, Celebes and innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor, and to the northward as the Phillipines, formally collectively (called) the Malayan Archipelago...The Malayan language (Bahasa Melayu) is generally employed...as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catalanian along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the *lingua franca* of the East.” (Marsden 1812: i)

Catatan Marsden setidaknya menperakui satu elemen peradaban yang penting melalui perspektif Orientalisme dan Eurocentrik di mana, Bahasa Melayu secara langsung dapat membangunkan Alam Melayu dari sudut komunikasi dan diplomasi global sejak abad ke-13 hingga awal abad ke-20. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa Melaka berfungsi seperti Venice atau Alexandria di Mediterranean, namun beroperasi dalam kerangka pandangan Alam Melayu yang berasaskan konsep keadilan (*adl*) dan kesejahteraan masyarakat majmuk (Andaya & Andaya, 2001). Dengan itu, peranan Melaka dalam jaringan global bukanlah periferan atau pasif, tetapi pusat aktif yang menggabungkan Asia, Timur Tengah dan Eropah secara organik. Ini membuktikan Alam Melayu menyumbang secara signifikan dalam satu fasa sejarah dunia di mana perdagangan antarabangsa menjadi penggerak utama kepada perubahan sosial, teknologi dan budaya. Ini membuktikan Alam Melayu menyumbang secara signifikan dalam satu fasa sejarah dunia di mana perdagangan antarabangsa menjadi penggerak utama kepada perubahan sosial, teknologi dan budaya.

4.4 Rangkaian Intelektual dan Penyebaran Ilmu

Keterlibatan Alam Melayu dalam sejarah dunia tidak terhad kepada bidang ekonomi. Alam ini turut menjadi pusat penyebaran ilmu dan dakwah Islam yang aktif, menjalin hubungan intelektual yang luas dengan pusat-pusat keilmuan dunia Islam.

Azyumardi Azra (2004) menyatakan bahawa wujud satu jaringan ulama transnasional yang merentasi Tanah Melayu, Kepulauan Indonesia, Yaman, Hijaz dan India. Ulama-ulama seperti Sheikh Daud al-Fatani, Nuruddin al-Raniri, dan Syaikh Yusuf al-Maqassari bukan sahaja menulis karya ilmiah dalam pelbagai disiplin termasuk tasawuf, fiqh dan falsafah malah menyumbang kepada perkembangan epistemologi Islam yang bersifat sejagat.

Melalui karya-karya tokoh seperti Sheikh Daud al-Fatani secara literal menunjukkan bagaimana epistemologi Melayu-Islam berfungsi dalam rangka global. Karya beliau seperti *Furu' al-Masa'il* bukan sahaja digunakan di Patani, tetapi turut tersebar ke Mekah, Mesir dan Istanbul (Azra, 2004). Al-Fatani menggabungkan fiqh Syafi'i dengan nilai lokal Melayu, sekali gus memerlihatkan satu bentuk pluralisme epistemologi. Analisis ini membuktikan bahawa ulama Melayu bukanlah pengikut pasif tradisi Timur Tengah, tetapi menggalas tanggungjawab sebagai penghasil wacana ilmu yang mampu mempengaruhi wacana Islam antarabangsa.

Hal ini secara langsung menolak naratif Eurocentrik yang meminimumkan kepentingan intelektual Alam Melayu dalam naratif global. Karya-karya ini sering menggunakan bahasa Melayu-Jawi sebagai medium penyebaran ilmu, membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga bahasa ilmu dan peradaban. Ini menandakan peranan aktif masyarakat Melayu dalam pembinaan tamadun Islam dan peradaban dunia secara lebih luas.

4.5 Pandangan Sejarah dan Masa dalam Tradisi Melayu

Berbeza dengan historiografi moden Barat yang bersifat linear dan kuantitatif, pandangan sejarah dalam tradisi Melayu bersifat holistik dan kosmologikal. Ia melihat sejarah sebagai kesinambungan antara dunia zahir dan batin, antara manusia dan Tuhan. Menurut Al-Attas (1978), sejarah dalam pandangan Islam termasuk Melayu bukan sekadar peristiwa, tetapi *hikmah* iaitu ibrah dan pengajaran tentang kedudukan manusia dalam pentadbiran Tuhan. Pandangan ini menyerlah dalam karya-karya sejarah awal seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*, yang menggabungkan unsur politik, mitologi, etika, dan spiritualiti dalam satu naratif yang menyeluruh. Historiografi seperti ini, yang sering dianggap "tidak saintifik" oleh sejarah moden, sebenarnya mencerminkan epistemologi yang berbeza iaitu sejarah yang bermakna bukan kerana kronologinya semata-mata, tetapi kerana hubungannya dengan nilai, makna, dan orientasi kehidupan.

Kajian ini turut merujuk kepada sumber kesusasteraan Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) bagi memastikan pengukuhan hujah. Misalnya, Sejarah Melayu mencatat bagaimana Melaka menjadi pusat diplomasi antarabangsa melalui kedatangan utusan dari China, Siam, India dan lain-lain:

"Maka segala raja-raja di bawah angin pun sekaliannya datang mengadap Sultan Melaka membawa persembahan..." (Ahmad, 1979, 79-80).

Petikan ini memperlihatkan peranan serta pengaruh Melaka sebagai pusat rujukan kuasa politik serantau, sekali gus mengesahkan kedudukannya sebagai aktor/entiti aktif dalam jaringan antarabangsa. Naratif ini dinilai berbeza dengan gambaran pasif Eurocentrik yang melihat rantau ini hanya sebagai periferi kuasa Eropah. Begitu juga dalam Hikayat Raja-Raja Pasai, pertemuan Sultan Malikul Saleh dengan seorang ulama dari Arab direkodkan sebagai asas penyebaran Islam di Alam Melayu (Jones, 1983). Naratif ini bukan sahaja mencerminkan proses Islamisasi yang damai melalui jaringan ilmu dan perdagangan, tetapi juga menunjukkan bagaimana epistemologi Melayu telah berjaya menggabungkan unsur kosmologi Islam dengan realiti lokal. Kedua-dua sumber ini membuktikan bahawa Alam Melayu bukan sekadar objek sejarah, tetapi penggerak yang mempunyai sistem nilai, politik, dan intelektual tersendiri dalam jaringan global.

Keseluruhan perbincangan berkenaan historiografi dan keterlibatan Alam Melayu dalam sejarah dunia ini menolak tanggapan bahawa masyarakat Melayu hanya berperanan sebagai objek pasif dalam sejarah dunia. Sebaliknya, Alam Melayu adalah subjektor iaitu aktor sejarah yang mempunyai agensi, pemikiran, dan sumbangan yang signifikan dalam naratif global. Melalui interaksi perdagangan, rangkaian keilmuan, pemikiran falsafah, serta penyebaran budaya dan agama, Alam Melayu telah memberi sumbangan langsung kepada pembentukan dunia moden. Oleh itu, meninjau sejarah dunia dari kacamata Alam Melayu bukan sekadar satu usaha keilmuan, tetapi satu tindakan pemulihan epistemologi yang adil dan berimbang.

5. Perbincangan

Perbincangan ini bertujuan untuk mensintesis dapatan-dapatan teori dan historiografi yang telah dibincangkan sebelum ini, seterusnya mengartikulasikan kepentingan epistemologi Melayu sebagai asas alternatif dalam memahami dan menulis semula sejarah dunia. Perbincangan ini akan menelusuri tiga aspek utama iaitu

yang pertama, keperluan membina naratif sejarah dunia yang lebih pelbagai dan inklusif; kedua, epistemologi Melayu sebagai kerangka berfikir yang sah dan relevan; serta ketiga, potensi penyusunan semula historiografi global melalui kerangka Alam Melayu.

Wacana sejarah dunia kontemporari seringkali disusun berdasarkan kerangka yang menjadikan pengalaman Eropah sebagai pusat rujukan universal. Pendekatan ini bukan sahaja menyempitkan skop analisis sejarah, malah mencetuskan ketidakseimbangan epistemik yang mengabaikan suara peradaban lain, termasuk Alam Melayu. Sebagaimana yang telah diujahkan oleh Chakrabarty (2000) dan Mignolo (2011), desakan untuk provinsialisasi Eropah dan mengiktiraf pluriversiti epistemologi merupakan langkah penting dalam memperbetulkan ketidakseimbangan sejarah yang diwarisi dari era kolonial. Dalam konteks ini, Alam Melayu tidak harus hanya dirujuk sebagai latar belakang kepada penjajahan Eropah, tetapi mesti diangkat sebagai subjek sejarah yang setara. Melalui pendekatan ini, sejarah dunia dapat ditulis dengan mengambil kira kerencaman budaya, pengetahuan dan pengalaman sekaligus melahirkan wacana sejarah yang lebih adil dan representatif.

Bagi menegaskan perbezaan epistemologi, adalah wajar jika dibuat perbandingan langsung antara kerangka Eurocentrik dan epistemologi Melayu. Eurocentrisme menekankan sejarah linear, materialistik, dan berpusat kepada pengalaman Eropah. Sebagai contoh, periodisasi sejarah dunia memfokuskan kegemilangan Tamadun Yunani-Rom, Zaman Pertengahan Eropah, dan Pencerahan di mana zaman-zaman ini dianggap sebagai pencetus kepada kelangsungan serta kemajuan bangsa Eropah. Sebaliknya, epistemologi Melayu-Islam menekankan keseimbangan rohani-jasmani, nilai moral, serta integrasi kosmologi dengan sejarah (Al-Attas, 1995; Wan Mohd Nor, 1991). Perbandingan ini boleh diringkaskan seperti berikut:

Jadual 1 Perbezaan epistemologi

Aspek	Eurocentrisme	Epistemologi Melayu
Periodisasi sejarah	Linear (Yunani → Rom → Eropah)	Kosmologikal (berkait ibrah, hikmah, dan tauhid)
Konsep kuasa	Sekular, berasaskan material & imperialisme	Spiritual-politik (raja sebagai khalifah, <i>zillullah fi al-'alam</i>)
Sumber ilmu	Fakta empirikal, rekod kolonial	Teks tradisional, hikayat, manuskrip, adab
Tujuan sejarah	Dominasi, kemajuan material	Hikmah, keadilan, keseimbangan masyarakat
Naratif global	Eurocentrik: Eropah pusat tamadun	Pluriversiti: Alam Melayu sebagai aktor global setara

Dengan menempatkan kedua-dua kerangka ini secara sejajar, dapat dilihat secara jelas bahawa epistemologi Melayu bukan sahaja dapat menjadi sebuah/sumber alternatif, tetapi juga mencabar tuntutan universalisme Eurocentrik. Ia membuka ruang kepada historiografi dunia yang lebih pluralistik, di mana peradaban bukan Barat dilihat sebagai penghasil pengetahuan setara, bukan sekadar periferi (Chakrabarty, 2000; Mignolo, 2011).

Epistemologi Melayu, seperti yang dirumuskan dalam pemikiran tokoh pemikir seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, memperlihatkan satu sistem pengetahuan yang menyepadukan unsur spiritual, moral dan rasional. Berbeza dengan positivisme sejarah Barat, pandangan alam Melayu menekankan makna, adab dan hikmah sebagai komponen penting dalam memahami sejarah. Keunikan ini memperkaya pendekatan historiografi kerana ia tidak sekadar merekod fakta sejarah secara linear, tetapi juga menawarkan pemahaman yang bersifat nilai dan reflektif. Historiografi Melayu mengandungi lapisan makna yang tidak terhad kepada kronologi, tetapi juga merangkumi dimensi kosmologi dan etika. Ini menjadikannya relevan untuk dikaji bukan sahaja sebagai warisan tempatan, tetapi sebagai alternatif epistemik dalam bidang sejarah secara global.

Memandangkan Alam Melayu telah memainkan peranan penting dalam jaringan global dari perdagangan rempah hingga kepada jaringan ulama antarabangsa maka wajar untuk kita mempertimbangkan semula posisi geohistoris rantau ini dalam penulisan sejarah dunia. Mengangkat naratif dari Alam Melayu tidak bermaksud menafikan sejarah dunia Barat, tetapi menambah dimensi baharu terhadap pemahaman kita terhadap dinamika global. Sebagai contoh, sejarah global tentang pertembungan Islam dan Barat tidak lengkap tanpa mengambil kira peranan para ulama Melayu dalam menyebarkan Islam secara damai melalui perdagangan dan pendidikan.

Selain itu, naratif sejarah dunia juga harus menilai semula konsep kemajuan dan perubahan sosial dengan memberi ruang kepada nilai-nilai seperti keseimbangan, kerohanian, dan kesejahteraan komuniti nilai-nilai yang tertanam dalam pandangan alam Melayu. Pendek kata, menulis sejarah dunia dari kacamata Alam Melayu membolehkan kita membina semula historiografi global yang lebih pelbagai, reflektif dan seimbang.

Artikel ini mencadangkan agar sejarah dunia tidak lagi dilihat sebagai wacana yang eksklusif kepada pengalaman Barat. Sebaliknya, perlu diwujudkan ruang dalam akademik untuk epistemologi yang berpaksikan lokaliti seperti epistemologi Melayu yang memiliki struktur, prinsip dan matlamatnya tersendiri. Dalam konteks semasa, di mana terdapat kesedaran yang semakin meningkat terhadap dekolonisasi ilmu, kerangka Alam Melayu dapat memainkan peranan penting dalam membentuk paradigma akademik yang lebih inklusif dan transnasional. Ini termasuk dalam bidang kurikulum pendidikan, kajian sejarah serantau, dan kerjasama penyelidikan rentas budaya. Melalui pengiktirafan ini, kita tidak hanya mengisi lompong dalam historiografi global, tetapi turut memberi sumbangan ke arah pembinaan semula naratif sejarah yang lebih sejagat.

6. Kesimpulan

Makalah ini telah membentangkan satu pendekatan alternatif dalam memahami dan menulis sejarah dunia melalui kacamata Alam Melayu, dengan menekankan epistemologi tempatan yang kaya, berakar umbi dalam tradisi Islam dan pengalaman peradaban maritim. Melalui analisis terhadap posisi Alam Melayu dalam jaringan perdagangan, penyebaran ilmu, dan struktur sosial yang unik, dapat dirumuskan bahawa wilayah ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam sejarah global, tetapi juga menawarkan kerangka epistemologi yang sah, dinamik dan bermakna.

Usaha ini mencabar dominasi epistemologi Barat yang bersifat euro-sentrik dan membuka ruang kepada penulisan sejarah yang lebih pelbagai, reflektif dan berimbang. Dalam konteks keilmuan kontemporari, pendekatan ini menyumbang kepada wacana dekolonisasi ilmu, sekaligus memartabatkan pengetahuan tempatan sebagai rujukan yang sah dalam kerangka global. Dengan menempatkan Alam Melayu sebagai subjek bukan sekadar objek dalam sejarah dunia, artikel ini mengangkat suara peradaban Melayu dalam wacana global dan memberi sumbangan kepada pembentukan semula historiografi dunia yang lebih inklusif dan mewakili kepelbagaian peradaban manusia.

Berdasarkan dapatan dan hujah-hujah yang dikemukakan, beberapa cadangan boleh dikemukakan bagi memperkukuh agenda penulisan sejarah dunia dari kacamata Alam Melayu. Pertama sekali, perkara yang boleh dilakukan ialah pengukuhan kurikulum sejarah dunia dari perspektif serantau melalui kerjasama institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Nusantara untuk memperkaya kurikulum sejarah dunia dengan memasukkan naratif yang berpaksikan pengalaman Alam Melayu, termasuk karya-karya klasik seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, dan tulisan-tulisan ulama tempatan.

Seterusnya, keterlibatan dalam pembangunan epistemologi sejarah Melayu-Islam memerlukan penyelidikan lanjut yang memperincikan struktur epistemologi Melayu, khususnya dalam dimensi sejarah, falsafah dan etika. Ini termasuk meneliti bagaimana konsep seperti *hikmah*, *adab*, dan *tawhid* membentuk kerangka historiografi yang holistik dan bermakna. Ketiga, kajian bandingan historiografi global yang mana melibatkan kajian perbandingan antara epistemologi Melayu dan tradisi historiografi lain seperti sejarah China, India, atau dunia Islam boleh membuka ruang kepada pemahaman silang budaya yang lebih luas serta mewujudkan dialog ilmu yang seimbang.

Keempat, penerbitan dan terjemahan karya sejarah Melayu ke dalam bahasa global yang mana karya-karya penting dari warisan sejarah Melayu perlu diterjemah dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Arab atau Perancis untuk dimanfaatkan oleh komuniti akademik antarabangsa yang membolehkan karya-karya ini mencapai kumpulan sasar yang lebih besar dan tidak terhalang disebabkan halangan bahasa. Ini akan membuka ruang kepada pengiktirafan global terhadap nilai dan sumbangan ilmu Melayu. Cadangan akhir ialah kerjasama penyelidikan rentas institusi dan negara bagi mewujudkan kolaborasi antara penyelidik serantau dan antarabangsa untuk membangunkan naratif sejarah dunia yang inklusif. Alam Melayu harus diposisikan sebagai sebahagian daripada projek global dalam membina naratif sejarah pelbagai suara (*multiperspectival history*).

Meneroka sejarah dunia dari kacamata Alam Melayu bukan sahaja memperkasa naratif tempatan, tetapi juga menyumbang kepada usaha global dalam mendekolonisasi ilmu dan memperluaskan horizon epistemologi sejarah. Inisiatif ini bukan sekadar akademik, tetapi juga bersifat etika dan budaya demi membina wacana sejarah yang adil, seimbang, dan sejagat.

7. Pemindahan Lesen Secara Dalam Talian

Dengan menerbitkan dalam jurnal di bawah Penerbit UTHM, para penulis secara tidak langsung memindahkan hak cipta artikel mereka kepada Penerbit UTHM. Semua penulis dikehendaki melengkapkan perjanjian pemindahan lesen eksklusif Procedia sebelum artikel boleh diterbitkan, yang boleh dilakukan secara dalam talian. Perjanjian pemindahan ini membolehkan Penerbit UTHM melindungi bahan berhak cipta bagi pihak penulis, namun tidak menafikan hak milik asal penulis. Pemindahan hak cipta ini merangkumi hak eksklusif untuk menghasilkan semula dan mengedarkan artikel, termasuk cetakan semula, penghasilan semula fotografi, mikrofilem atau sebarang bentuk penghasilan semula lain yang seumpamanya serta terjemahan. Penulis

bertanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran daripada pemegang hak cipta bagi mengulangi sebarang rajah yang mempunyai hak cipta.

Penghargaan

Terima kasih kepada Dr. Harliana Halim, Dr. Nazreena Mohammed Yasin dan Dr. Asyiqah Mohamad Jamil di atas bimbingan, sokongan dan perkongsian ilmu yang amat bermakna dalam membantu penulisan artikel ini.

Konflik Kepentingan

Penyelidik dengan ini mengesahkan bahawa tidak wujud konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

Semua penulis terlibat secara langsung dalam penulisan jurnal ini.

Rujukan

- Ahmad, A. S. (Ed.). (1979). *Sulalatus salatin (Sejarah Melayu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Alatas, S. F. (2006). *Alternative discourses in Asian social science: Responses to Eurocentrism*. SAGE Publications.
- Alatas, S. H. (1977). *The myth of the lazy native: A study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. Frank Cass.
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and secularism*. Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. ISTAC.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2001). *A history of Malaysia* (2nd ed.). St. Martin's Press.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2008). *A history of early modern Southeast Asia, 1400–1830* (3rd ed.). University of Hawaii Press.
- Andaya, L. Y. (2008). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. University of Hawaii Press.
- Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulamā' in the seventeenth and eighteenth centuries*. Allen & Unwin.
- Blankinship, K. (2020). Decolonizing historical epistemologies: Reclaiming Indigenous knowledge and narratives. *Journal of Postcolonial Studies*, 12(3), 45–63.
- Blankinship, K. (1991). Islam and world history: Towards a new periodization. *American Journal of Islam and Society*, 8(3), 423–452. <https://doi.org/10.35632/ajis.v8i3.2604>
- Blaut, J. M. (1993). *The colonizer's model of the world: Geographical diffusionism and Eurocentric history*. Guilford Press.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Brown, C. C. (1970). *Sejarah Melayu or Malay Annals*. Oxford University Press.
- Chakrabarty, D. (2009). *Provincializing Europe: Postcolonial thought and historical difference*. Princeton University Press.
- Cortêsão, A. (Ed. & Trans.). (1944). *The Suma Oriental of Tomé Pires and The Book of Francisco Rodrigues* (Vol. 1–2). The Hakluyt Society.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- Gadamer, H. G. (1975). *Truth and method*. Seabury Press.
- Ibrahim, A. (2014). *Cendekiawan Melayu penyuluh emansipasi*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Ibrahim, A. (2014). *Contemporary Islamic discourse in the Malay-Indonesian world: Critical perspectives*. Strategic Information and Research Development Centre.

- Marsden, W. (1812). *A Grammar of the Malayan Language*. London: Crosby Lockwood & Son
- Jones, R. (1983). *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mignolo, W. D. (2011). *The darker side of Western modernity: Global futures, decolonial options*. Duke University Press.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume one: The lands below the winds*. Yale University Press.
- Santos, B. de S. (2014). *Epistemologies of the South: Justice against epistemicide*. Routledge.
- Shaharir Mohamad Zain. (2008). *Pembinaan semula teori kepimpinan dan kepengurusan rumpun Melayu* (2nd reprint). Universiti Malaysia Terengganu.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.